

Rombakan bukan buang pemimpin

UM 17 JAN 2003

Oleh NIZAM YATIM

KOTA BHARU 16 Jan. — Rombakan Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini bertujuan untuk menguatkan kedudukan parti dan bukan untuk membuang mana-mana pemimpin.

Pengerusinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, langkah tersebut juga adalah sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang yang bakal diadakan pada bila-bila masa.

“Kita perlu menguatkan kepimpinan parti di peringkat negeri bagi membolehkan UMNO bekerjasama dengan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain untuk memberi tentangan hebat kepada Pas,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan Badan Perhubungan UMNO Kelantan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini.

Dalam rombakan tersebut, jawatan Timbalan Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang disandang oleh Datuk Annuar Musa telah diganti oleh Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim.

Rombakan juga membatik jawatan Setiausaha, Ketua Penerangan dan Bendahari.

Menurut Mustapa, semasa perjumpaan tersebut semua pemimpin yang baru dilantik dan yang digugurkan telah menyatakan ikrar untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi menawan semula Kelantan.

“Tiada di kalangan pemimpin yang digugurkan menunjukkan rasa tidak puas hati sebaliknya mereka sedar bahawa perlunya kerjasama diberikan kepada kepimpinan baru bagi memastikan UMNO

negeri benar-benar mantap,” ujarnya.

Beliau berkata, perasaan tidak berpuas hati tidak wajar wujud kerana seseorang yang memegang jawatan dalam Badan Perhubungan UMNO negeri belum tentu akan dipilih sebagai calon dalam pilihan raya umum akan datang.

Dalam pada itu, Mustapa berkata, ketika perjumpaan badan perhubungan, Dr. Mahathir telah melahirkan rasa puas hati terhadap sambutan baik yang diberikan oleh rakyat Kelantan semasa lawatan kerja beliau ke negeri ini selama dua hari.

“Kita sudah melihat kebangkitan UMNO di Kelantan dan kami berjanji untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi menawan kembali negeri ini,” ujarnya.